

MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025

PERINTAH HARIAN
SELASA, 11 MAC 2025

PH09/01/2025

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- i. **[PL10] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menjelaskan sekiranya terdapat *Integrated Industrial Policy* yang formal dan konkrit untuk menjadi panduan termasuk usaha mensejajarkan institusi-institusi pelaksana bekerja secara bersepadu dan berkesan dalam mencapai objektif-objektif bagi mempelbagaikan ekonomi seimbang dan berdaya tahan; perluasan hasil (*revenue*); membangun industri strategik (e.g. *food security*); dan menangani pengangguran.
- ii. **[PL11] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan keberkesanan usaha BEDB dalam menarik FDIs antaranya melalui misi pemasaran ke luar negara termasuk mengadakan *Investor Forum* dan *business-matching* dalam dan luar negeri. Apakah langkah ke hadapan Kementerian untuk memastikan penglibatan pengusaha tempatan dalam meraih *spin-off* dari FDIs ini.
- iii. **[PL43] Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan tindakan MTIC untuk mengintegrasikan inisiatif untuk menjadikan Brunei sebagai hab udara serantau, dan membangunkan rel Trans-Borneo, seiring dengan keperluan pengangkutan awam yang cekap dan pembangunan Muara Port dengan segera sebelum diambil oleh pihak lain. Ingin mengetahui

sekiranya ada keperluan bagi penubuhan pasukan khusus memandangkan inisiatif ini dapat dilihat sebagai gamechanger yang mampu mengubah landskap ekonomi negara dengan kerjasama awam-swasta.

- iv. **[PL63] Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan komitmen kerajaan untuk mempercepat pengembangan laluan penerbangan dan memperkenalkan laluan baharu bagi meningkatkan *connectivity* untuk menyokong ekonomi negara. Ini mengambilkira Brunei berpotensi menjadi hab penerbangan serantau dengan adanya syarikat-syarikat penerbangan yang lain seperti Gallop Air.
- v. **[PL138] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan pelan strategi dan rangka kerja Kementerian secara komprehensif dalam menaiktaraf dan memartabatkan Lapangan Terbang Antarabangsa yang berperanan sebagai gateway kepada negara bagi merancakkan aktiviti perekonomian dan pelbagai industri hiliran.
- vi. **[PL94] Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan fungsi Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan apakah langkah yang diambil bagi meningkatkan pendedahan dan pemberigian mengenai perancangan atau projek yang telah dirancang kepada masyarakat dan pihak yang berkepentingan.
- vii. **[PL52] Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan usaha kerajaan dalam memperbaiki infrastruktur jalan raya dan 'connectivity' di antara kawasan-kawasan komersial seperti Gadong dan Kiulap. Terdapat pertambahan kenderaan dan ketiadaan 'connectivity' dari satu kawasan komersial ke kawasan yang lain yang menyebabkan peningkatan kesesakan jalan raya dan risiko keselamatan pejalan kaki. Adakah ada cadangan untuk membangun lebih banyak jejantas agar dapat meningkatkan keselamatan, mengurangkan kesesakan, menjimatkan masa dan menyokong gaya hidup sihat.
- viii. **[PL106] Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam mempertimbangkan pembangunan tanah secara bercampur

yang menggabungkan ruang pendidikan, pusat komuniti, dan kawasan komersial bagi MSME dengan penekanan terhadap kemudahan pejalan kaki bagi menyokong pembangunan bandar yang mampan dan inklusif. Bagaimanakah Kementerian merancang untuk memperkasakan perancangan bandar dalam mewujudkan ruang yang merancakkan pertumbuhan ekonomi tempatan.

- ix. **[PL117] Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan sama ada Kerajaan boleh meneliti semula garis panduan pembangunan sekolah dan mekanisme kelulusan projek berhampiran institusi pendidikan bagi memastikan keselamatan pelajar serta kelancaran jalan raya. Perkara ini adalah mengambil kira risiko keselamatan pelajar dan kesesakan lalu lintas yang timbul akibat pembinaan sekolah berdekatan jalan utama.
- x. **[PL30] Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kaedah Kementerian untuk memudahkan penubuhan perkhidmatan penjagaan pesakit dengan kos yang berpatutan serta memperluaskan perkhidmatan penjagaan ke rumah-rumah dan penjagaan pesakit wad yang sekarang terhad kepada ahli keluarga. Perkara ini untuk membuka peluang pekerjaan, sebagai haluan kerjaya dalam bidang penjagaan kesihatan dan kejururawatan.
- xi. **[PL104] Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian Kesihatan akan mempertimbangkan pelaksanaan sistem pelabelan minuman wajib seperti Nutri-Grade bagi menunjukkan tahap gula dengan jelas dan menggalakkan pilihan pengguna yang lebih sihat, memandangkan diabetes merupakan punca kematian ke-4 di Negara Brunei Darussalam dan penggunaan minuman bergula semakin meningkat.
- xii. **[PL100] Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah - langkah konkrit Kementerian bagi menyelaraskan kurikulum universiti dengan keperluan pasaran kerja semasa dan masa hadapan, terutamanya dalam sektor berdaya pertumbuhan tinggi seperti teknologi hijau dan ekonomi digital. Apakah mekanisma yang tersedia bagi menilai dan memastikan keberkesanan kurikulum ini dalam memenuhi keperluan industri.
- xiii. **[PL108] Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk memastikan para guru-guru sentiasa mendapat maklumat mengenai industri baharu dan boleh mengintegrasikan

pengetahuan ini dalam pengajaran mereka. Adakah terdapat program berstruktur atau kerjasama dengan pakar industri bagi meningkatkan pemahaman pendidik tentang keperluan tenaga kerja masa depan.

- xiv. **[PL123] Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan jika pihak Kementerian membuat sebarang perancangan untuk membuat satu skim pembayaran balik yang lebih mudah bagi mereka yang baru mendapat perumahan (RPN) terutamanya dikalangan mereka yang akan mencecah usia 55 ke 60 tahun.
- xv. **[PL71] Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub** meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan perancangan dan usaha Kementerian bagi memperluaskan penggunaan sistem *cashless* di Negara Brunei Darussalam.

3. KENYATAAN MENTERI

Kenyataan Menteri - Pelaksanaan dan Perancangan Strategik Pembasmian Kemiskinan akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

4. RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN

PERINGKAT JAWATANKUASA

Perbahasan berkenaan “Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026”

DAN

“Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam”

- i. Jabatan Perdana Menteri (Tajuk SA16A hingga Tajuk SA28A)
- ii. Kementerian Pertahanan (Tajuk SB01A Hingga Tajuk SB04A)
- iii. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (Tajuk SC01A)